

BH - 6 MAY 2002

# Dr M puas hati projek kereta kabel Langkawi

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan tahap kemajuan beberapa projek pembangunan utama di pulau ini terutama pembinaan kereta kabel di Teluk Burau yang disifatkan berjalan lancar.

Malah, Perdana Menteri yakin industri pelancongan di Langkawi akan bertambah maju sebaik semua projek pembangunan berasaskan pelancongan yang sedang dalam pembinaan siap sepenuhnya kelak.

"(Pembinaan kereta kabel) nampak maju, dah boleh siap seperti yang dirancang," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, hari ini selepas meninjau beberapa projek pembangunan di Langkawi.

Beliau ditanya mengenai tahap kemajuan beberapa projek pembangunan di pulau ini, khususnya pembinaan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village di Teluk Burau dan Gunung Machinchang dengan ketinggian 708 meter.

Projek bernilai kira-kira RM45 juta yang kini lebih 80 peratus siap itu dijalankan secara usaha sama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

Pengarah Urusan Wyss Planning Consultants, Dr Peter A Wyss, berkata perkhidmatan kereta kabel sejauh 2.2km itu adalah yang terpanjang dunia menggunakan gondola enam tempat duduk.

Perkhidmatan yang menyediakan tiga pelantar tinjau itu dijangka dibuka kepada orang ramai pada Julai ini.

Mereka yang menggunakan perkhidmatan itu boleh tiba di puncak gunung berkenaan dalam masa sembilan minit menaiki gondola dengan enam tempat duduk, katanya.

"Orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini juga boleh merentas hutan sejauh kira-kira 800 meter dari stesen puncak ke stesen pertengahan untuk menyaksikan khazanah hutan," katanya.

Projek itu dijangka siap bulan depan dan beroperasi sepenuhnya pada Ogos selepas menjalani tempoh percubaan selama sebulan sebelum promosi diadakan bagi membawa orang ramai atas jemputan.

Dr Mahathir memulakan lawatan pada sebelah pagi dengan menaiki bot dari Summer Palace untuk meninjau kerja pembinaan pusat peranginan kapal layar 'Harbour Park Langkawi' di Teluk Burau.